

Tarikh Dibaca: 06 Disember 2024 | 04 Jumadal Akhirah 1446H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“RAJA BIJAKSANA, RAKYAT AMAN”

Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

"RAJA BIJAKSANA, RAKYAT AMAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ : وَجَعَلْنَاهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا وَأُوحَيْنَا إِلَيْهِمْ
فِعْلَ الْخَيْرَاتِ وَإِقَامَ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءَ الْزَكُوَّةِ وَكَانُوا لَنَا عَبْدِينَ^۱

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ ثُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ^۲

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberi kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

¹ Al-Anbiya' : 73

² ali-Imran: 102.



Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "**RAJA BIJAKSANA, RAKYAT AMAN**".

Rakyat Selangor merafakkan kesyukuran kehadrat Allah SWT, menjunjung kasih dan taat setia sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-79, Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah AlHaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah AlHaj, Sultan Selangor pada 11 Disember 2024.

Rakyat mendoakan ke hadrat Allah SWT semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa dilimpahi rahmah dan hidayah, iman dan taqwa, sihat dan afiah dalam memerintah negeri dengan bijaksana, adil dan saksama.

Dengan berkat kebijaksanaan dan keadilan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, semoga rakyat bersatu hati dalam ketaatan kepada Allah SWT dan kesetiaan yang tidak berbelah bagi demi untuk mengekalkan ketinggian syariat Islam dan pembangunan negeri.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Sesungguhnya raja yang memegang prinsip keimanan dan ketakwaan yang tinggi akan memerintah secara bijaksana dengan segala tindakan yang diambil adalah demi untuk menjamin keadilan dan kesaksamaan dalam kalangan rakyat jelata.

Firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya' ayat 73 yang telah dibacakan di awal khutbah bermaksud:

"Dan Kami jadikan mereka ketua-ketua ikutan, yang memimpin (manusia ke jalan yang benar) dengan perintah Kami, dan Kami wahyukan



kepada mereka mengerjakan kebaikan, dan mendirikan sembahyang, serta memberi zakat; dan mereka pula sentiasa beribadat kepada Kami."

Allah SWT memilih raja dalam kalangan orang yang beriman untuk ditaati dan dicontohi oleh rakyat. Raja yang berjaya memimpin rakyat kerana kepimpinan berlandaskan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Azza Wajalla akan diberikan hidayah dan taufik oleh Allah SWT kepada pemimpin dan rakyat sesebuah negeri itu untuk bersatu hati dan bersatu fikiran bagi mewujudkan keamanan dan keharmonian.

Sesungguhnya kesatuan ummah terhasil lantaran wujudnya keprihatinan raja yang tegas dalam menitik beratkan tuntutan ibadah kefarduan secara peribadi dan cara berinteraksi sesama umat Islam serta masyarakat lainnya berdasarkan syariat Islam. Langkah ini adalah selari dengan tindakan Rasulullah SAW sejurus tiba di Madinah apabila Baginda SAW membina masjid sebagai pusat pertemuan antara pemimpin dan rakyat untuk beribadah dan bermuamalah sesama umat Islam dalam kalangan Muhajirin dan Ansar. Dalam masa yang sama disamping memperkuat akidah sesama umat Islam, baginda SAW mempereratkan ukhuwah sesama umat Islam dan hubungan bangsa-bangsa lain di Madinah.

Kesungguhan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam memperkuat pembangunan sosio ekonomi dan keprihatinan terhadap pembangunan rohani masyarakat Islam di negeri ini dapat dilihat melalui inisiatif dan pandangan baginda yang mengutamakan kesejahteraan dan keharmonian kepada seluruh rakyat. Sebagai contoh ketegasan baginda dalam urusan kutipan dan pembayaran zakat yang perlu ditunaikan kepada



amil yang dilantik di Selangor sahaja dan keberkesanannya dalam pengagihannya bukan sahaja untuk memastikan kepatuhan terhadap Ulil Amri dan hukum agama tetapi juga mementingkan keberkesanannya dalam peningkatan sosio ekonomi umat Islam yang dapat mengurangkan jurang kemiskinan dalam kalangan rakyat di negeri ini.

Segala usaha yang dilakukan adalah menggambarkan seorang pemimpin yang adil dan bijak menguruskan agama dan memimpin umat Islam bahkan Allah SWT memberi ganjaran dan melindungi pemimpin yang adil di dunia.

Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

سَبْعَةٌ يُظْلَمُونَ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ لِإِلَّا ظِلُّهُ إِمَامٌ
.....عادلٌ

"Tujuh (golongan) yang akan dinaungi Allah SWT pada hari kiamat di mana tidak ada naungan lain kecuali naungan-Nya (antaranya) ialah pemimpin yang adil".

(Riwayat al-Bukhari).

Oleh itu, Raja yang adil hendaklah ditaati. Rakyat hendaklah menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada raja adil kerana ketaatan dan kesetiaan ini adalah perintah Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam Surat al-nisa' ayat 59:



يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ أَلْأَمْرُ مِنْكُمْ

"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ullil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu."

Ayat ini menunjukkan kedudukan seseorang pemimpin atau raja adalah tersangat tinggi dan paling utama. Seseorang pemimpin atau raja bukan sahaja memastikan kemajuan negeri malah menggalas tanggungjawab dalam mengawal dan memelihara kesucian agama Islam.

Oleh itu, taat kepada raja adalah wajib dan menjadi tuntutan di sisi syarak. Ini kerana arahan pemerintah yang menyeru kepada kebaikan dan kemaslahatan rakyat hendaklah didengar dan ditaati. Perkara ini dijelaskan dalam satu kaedah fiqh yang masyhur yang menyatakan bahawa:

"Tindakan imam (pemerintah) ke atas rakyatnya adalah berdasarkan maslahah (kebaikan)".

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor adalah seorang raja yang jelas berpegang teguh kepada 5 prinsip utama Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, keturunan, akal dan harta serta menekankan prinsip keadilan berdasarkan syariat Islam dalam memerintah negeri demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan serta keharmonian dalam negeri ini.

Baginda mempamerkan ketegasan yang amat tinggi untuk mengekalkan kesucian agama Islam dari dicemari dengan amalan dan



ajaran-ajaran yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Baginda sentiasa memastikan umat Islam berpegang kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah kerana ia ajaran Rasulullah SAW yang diwarisi oleh para sahabat Radhiallahuanhu dan menjadi pegangan majoriti umat Islam negeri ini sejak zaman berzaman. Oleh itu, keingkaran berpegang kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah sepetimana yang telah dibawa oleh Rasulullah SAW bukan sahaja mengundang bala bencana malah dijanjikan pembalasan azab seksa yang berat atas apa yang mereka telah lakukan.

Firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf ayat 96:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ عَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ
وَالْأَرْضِ وَلَكِنْ كَذَّبُوا فَأَخْذَنَاهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

"Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan."

Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah adalah seorang raja yang mengutamakan perpaduan dan mengutamakan ukhuwah sesama umat Islam dan bangsa lain. Baginda menzahirkan ketegasan dan kebijaksanaan dalam membuat keputusan yang terbaik demi



mengukuhkan kesatuan ummah.

Baginda sering mengingatkan rakyat agar menjaga adab dan akhlak dengan hormat-menghormati antara satu sama lain walaupun berbeza agama, bangsa dan fahaman politik. Baginda mengingatkan umat Islam agar berhati-hati dalam mengeluarkan kata-kata yang boleh menjelaskan kelslaman, keimanan dan akhlak mulia.

Baginda tidak berkenan umat Islam atau sesiapa sahaja dalam kalangan rakyat negeri ini menghamburkan kata-kata yang bersifat mencela, tuduh-menuduh, hina-menghina, memaki hamun, mengumpat, mengaibkan pihak lain dan pelbagai lagi perkara mungkar yang boleh menjelaskan keharmonian ummah atau rakyat jelata.

Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 12 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani."

Oleh itu, usaha-usaha dakwah, menyebar, mendidik dan meningkatkan kefahaman akhlak mulia yang betul kepada masyarakat



oleh pihak berkuasa agama dan para ulama hendaklah diteruskan dengan terancang dan bersepada.

Sebagai rakyat, kita menjunjung kasih dan taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor atas tunjuk ajar, nasihat, kebijaksanaan dan keprihatinan terhadap mempertahankan kesucian Islam dan menjaga perpaduan rakyat.

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran yang dapat kita fahami, ingati, dan amalkan dalam kehidupan seharian:

1. Seorang raja mempunyai peranan besar memimpin dan memerintah negeri dengan prinsip keimanan dan keadilan kerana ia adalah perintah Allah SWT dan sunah Rasulullah SAW.
2. Umat Islam hendaklah menyedari dan meyakini bahawa mentaati Ulil Amri yang adil merupakan salah satu perintah Allah SWT yang mesti dilaksanakan sebagai bukti ketaatan.
3. Umat Islam hendaklah memperkuuh keimanan, mengamalkan akhlak mulia dan menunjukkan ketaatan kepada raja yang adil semata-mata kerana Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
الَّذِينَ إِنْ مَكَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَءَاتَوْا الزَّكَوةَ
وَأَمْرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾



"(laitu) orang-orang yang jika kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi, nescaya mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh berbuat yang makruf dan mencegah dari perbuatan mungkar, dan Allah lah kembali segala urusan".

(surah al-Hajj: 41)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ!
أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ⑥

الَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَئِمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَادَةَ أَمْوَارِهِمْ وَجَمِيعَ
الْمُسْلِمِينَ

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِإِسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعِينِ
عِنَايَاتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وِقَايَاتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُور، سُلْطَانِ شَرْفُ الدِّينِ ادْرِيسِ
شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ
شَاهِ الْحَاجِ. أَللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاْغُور، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانِ شَرْفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. أَللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, takdir yang buruk dan kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami



mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan umat Islam dan Masjid Al Aqsa di Palestin.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾
رَبَّنَا هَأْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٧٥﴾
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٧٦﴾



فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.